

PKR kehabisan modal siar gambar palsu Najib

BH - 09/07/2007

Kredibiliti pemimpin pembangkang makin luntur, tidak konsisten

Oleh Amirullah Andi Nur
dan Sazarina Shahrin

KUALA LUMPUR: Tindakan Parti Keadilan Rakyat (PKR) memaparkan gambar palsu Datuk Seri Najib Razak dengan Altantuya Shaariibuu di internet membuktikan parti itu kehabisan modal dan semakin terdesak dalam usaha memikat sokongan rakyat.

Malah, Ketua Pemuda Umno, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata kredibiliti pemimpin parti itu juga semakin luntur selain tidak konsisten dengan prinsip yang di-laungkan termasuk Datuk Seri Anwar Ibrahim.

“Saya sendiri tidak faham bagaimana seseorang pemimpin yang menyatakan kita harus jujur dan adil tapi menghalalkan sesuatu palsu. Dan sememangnya parti ini sudah semakin terdesak,” katanya selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Pemuda Umno Bahagian Gombak, di Taman Melawati, dekat sini, semalam.

Beliau mengulas kenyataan Anwar di Kelantan kelmarin yang dilapor mempertahankan tindakan Ketua Penerangan PKR, Tian Chua menyiarkan gambar palsu membabitkan Najib itu.

Gambar itu yang diakui oleh Chua sebagai ‘khayalan dan hasil seni semata-mata’ disiarkan melalui blognya baru-baru ini.

Hishammuddin yang juga Menteri Pelajaran, berkata Pergerakan Pemu-



PENGIKTIRAFAN: Hishammuddin menyampaikan sijil penghargaan dan trofi kepada wakil sekolah sekitar Gombak selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Pemuda Umno Bahagian Gombak, di Taman Melawati, semalam.

da Umno di seluruh negara sedih dan jijik dengan tindakan tidak bertanggungjawab Chua itu.

Beliau turut mengulangi barisan kepimpinan sedia menghadapi pilihan raya umum pada bila-bila masa.

Sementara itu, Naib Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin, berkata PKR mengamalkan politik kotor dan murahan apabila Tian Chua menyiarkan gambar palsu itu.

Beliau yang menyifatkan perbua-

tan itu sebagai kurang ajar dan biadap, berkata pembangkang sering mengamalkan strategi jahat untuk mengalihkan perhatian rakyat terhadap krisis dalaman yang dihadapinya.

Katanya, tindakan paling berkesan untuk menghukum PKR adalah dengan memastikan parti itu berkubur dalam pilihan raya umum akan datang.

“Kalau dia (Tian Chua) tidak mahu

minta maaf, kita akan balas dalam politik. Kita akan pastikan tiada kerusi lagi untuk PKR.

“Kita harus buat serangan balas dalam gelanggang yang sesuai kerana Umno tidak amalkan politik samseng dan main hentam...tunggu gelanggang sebenar seperti pilihan raya umum atau kecil,” katanya selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Pemuda Umno Bukit Bintang, di sini, semalam.